

09 MAR 2002
Ketari-Calon
BN UMUM CALON PILIHAN RAYA KECIL KETARI RABU

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari akan diumumkan oleh Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, selaku Pengerusi BN negeri, Rabu ini.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata pengumuman itu akan dibuat selepas nama calon itu dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN.

"Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) Gerakan akan bermesyuarat sekali lagi esok (Ahad) untuk menentukan calon sebelum dikemuka dan dibincangkan dengan Menteri Besar Pahang pada petang Isnin," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat CWC parti itu di Menara PGRM di sini.

Dr Lim berkata Gerakan bahagian Bentong yang bermesyuarat semalam telah menyenaraikan empat nama dan memberikan kuasa penuh kepada CWC untuk memilih calon yang sesuai.

Empat nama yang dikemukakan itu ialah ketua cawangan Ketari, Yum Ah Ha, 51, seorang peguam; timbalan ketua cawangan Perting, Dr Ng Kong Chai, 42, seorang doktor pergigian; ketua cawangan Bandar Karak, Leong Yen Kong, 60, seorang pesuruhjaya sumpah; dan ketua cawangan Sungai Dua, Leong Ah Khuan, 46, seorang tauke balak.

Dr Lim berkata dalam memilih calon, CWC akan mengambil kira pandangan pelbagai pihak yang telah menulis surat kepada parti itu.

Beliau berkata sebagai contoh ada permintaan diterima daripada Persatuan Kongsai supaya calon dipilih daripada suku mereka. Suku Kongsai merupakan majoriti di kalangan penduduk Cina di Bentong.

Dr Lim berkata beliau berpuashati dengan kerjasama di kalangan komponen BN menjelang pilihan raya kecil berkenaan.

"Semangat BN di kawasan ini sangat baik, tidak payah hubung pun mereka datang memberikan sokongan kepada kita termasuk sesiapa saja yang jadi calon BN," katanya.

Ditanya mengenai taktik DAP menarik simpati pengundi dengan meletak Choong Siew Onn calon parti itu yang kalah dua kali di Ketari, Dr Lim berkata perkara biasa bagi parti pembangkang itu menggunakan taktik seperti itu.

Sementara itu, Dr Lim berkata beliau akan mengetuai sendiri Jawatankuasa Pilihanraya Gerakan yang akan bertanggungjawab mengatur dan menyelaras kempen pilihan raya kecil di Ketari.

"Kita akan menubuhkan lima pusat serta bilik gerakan di daerah mengundi Genting Highlands, Bukit Tinggi, Perting, Ketari dan Sungai Dua dengan tiga daerah mengundi iaitu Janda Baik, Benus dan Membaga dihubungkan dengan Bilik Gerakan Umno," katanya.

Beliau berkata kelima-lima bilik gerakan parti itu di kawasan tersebut akan berhubung rapat dengan bilik gerakan yang ditubuhkan oleh MCA, MIC serta Umno.

Beliau berkata jawatankuasa itu akan digerakkan dalam tempoh tiga hari lagi.

Pilihan raya kecil DUN Ketari bakal diadakan berikutan kematian wakilnya Datuk Loke Koon Kam pada 3 Mac lepas.

-- BERNAMA
AT MFJ MOZ